

Denggi di Melaka naik 263 peratus

Sebanyak 1,438 kes
dicatatkan dari
Januari hingga 17
Ogos berbanding
tahun lalu

NOR FARHANA YAACOB

MELAKA TENGAH



CHEE LEONG

Kes demam denggi di Melaka meningkat sebanyak 263 peratus iaitu 1,438 kes dalam tempoh Januari hingga 17 Ogos lalu berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Exco Kesihatan dan Antidadah, Low Chee Leong berkata, daerah Melaka Tengah mencatatkan jumlah tertinggi dengan 1,035 kes iaitu peningkatan 290 kes diikuti Alor Gajah meningkat 238 peratus dengan merekodkan 203 kes dan Jasin 263 peratus dengan 200 kes.

Menurutnya, semua pihak harus memberi perhatian terhadap kebersihan selain memberi tumpuan aktiviti penguatkuasaan sebagai langkah pencegahan.

"Dalam tempoh itu sebanyak sembilan kes telah direkodkan dan lapan daripadanya di daerah Melaka Tengah manakala satu kes di daerah Alor Gajah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Chee Leong yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Laksamana berkata, kes-kes yang direkodkan itu termasuk di Jalan Sidang Hasan Bukit Katil, Flat Malinja, Taman Melaka Perdana, Taman Krubong Jaya Fasa 2, Taman Kota Laksamana Seksyen 2, Taman Kota Laksamana Seksyen 3, Jalan Yong Pak Khian dan Batu 22 1/2

KES DENGGI

Melaka Tengah

1,035 kes
(paling tinggi)

Alor Gajah

203 kes

Jasin

200
kes

Ramuan China Besar di Masjid Tanah.

Katanya, terdapat lima lokasi wabak aktif dikesan memabitkan Taman Bertam Jaya, Taman Krubong Jaya Fasa 2, Lorong Utama Taman Ayer Keroh Heights, Pangsapuri Kota Laksamana dan Taman Hillir.

"Selain program Skuad Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) yang terus aktif saya harap usaha mencegah penularan kes denggi tidak hanya dipikul oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) sahaja, sebaliknya kerjasama masyarakat amat penting," katanya.

Melaka rancang tubuh unit alam sekitar di semua PBT

MELAKA TENGAH - Melaka merancang mewujudkan unit khas alam sekitar di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, Datuk Tey Kok Kiew berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan bagi memastikan perancangan itu dapat dilaksanakan segera.

Menurutnya, penubuhan unit berkenaan dijangka dapat merencanakan lagi aktiviti penjagaan alam sekitar di negeri

ini dengan memberi tumpuan kepada kawasan pelancongan.

"Langkah ini sebagai salah satu usaha untuk memastikan keadaan negeri ini termasuk alam sekitar dalam keadaan baik dan bersih.

"Kita akan bincang bersama semua agensi termasuk Jabatan Alam Sekitar dan mencari jalan penyelesaian bagi memastikan alam sekitar dalam keadaan baik," katanya selepas Perhimpunan Khas di Dewan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di Ayer Keroh di sini semalam.